

## Teroka bidang sains bersama 'Street Science'



Kemeriahan Majlis Konvokesyen Ke-12 Universiti Malaysia Pahang diserikan lagi dengan aktiviti Street Science yang melibatkan pelajar-pelajar sekolah rendah sekitar Kuantan. Aktiviti yang diadakan bersempena Expoconvo'17 ini dianjurkan oleh Galeri UMP dengan kerjasama Science, Industry and Technology Expert Society (SCITEXS) daripada Fakulti Sains & Pengurusan Industri. Antara aktiviti yang dijalankan adalah Buih Api, Buzz Wire, Kinetic Sand, Board Game, Math Race dan Mud Magic.

Bagi Izzah Iwani Falatin, 11 daripada Sek. Keb. Permatang Badak berkata, beliau seronok dengan aktiviti yang dijalankan, terutama aktiviti Buih Api kerana dapat menimba pengalaman baharu didalam bidang sains. "Mula-mula takut nak cuba sebab api, tapi bila dah cuba, rasa seronok." "Bila sebut api, terus rasa takut, tapi saya cabar diri untuk cuba, dan memang

seronok” Hadarisya Nadia Huzaifah, 10 berkata setelah mencuba aktiviti Buih Api,” ujarnya lagi. Beliau juga seronok seronok dan sangat teruja dapat sertai aktiviti Street Science’ pada kali ini.



Lawatan ke Galeri UMP juga seronok kerana dapat tengok hasil-hasil penyelidikan dan juga pameran berkenaan Tuanku Canselor UMP,” kata Aries Maximus J Murni, 11 yang bercita-cita menjadi seorang tentera. Pameran Diraja Tuanku Canselor UMP adalah tarikan terbaharu Galeri UMP selain pameran produk-produk penyelidikan. Galeri ini dibuka sepanjang hari sempena Expoconvo’17 yang diadakan bermula 16 hingga 21 November 2017.

***Disediakan Nadira Hana daripada Bahagian Komunikasi Korporat, gambar oleh Mustaqim (FSKKP), Aluwi (JPPH), Naufal (PNC)***

Posted By : NUR LAILA BINTI AFANDI Date Posted : 23-11-2017, 09:36:03